



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**OPERATOR KENDERAAN TINGKAT II (E.3 EB.4)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. OPERATOR KENDERAAN TINGKAT II
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
E.3 EB.4 (\$660 - \$875 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

ATAU

- b) *BDTVEC National Trade Certificate grade 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate* atau sebanding dalam bidang Automotif / Mekanik atau bidang yang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 (tidak mansuh). Mempunyai Lesen Memandu Kelas 5 (tidak mansuh) adalah kelebihan.
3. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menyediakan, menyelenggara dan memastikan kesemua kenderaan / jentera *Ground Support Equipment (GSE)* dalam keadaan boleh guna (*serviceable*) / bersih / cukup / selamat pada setiap masa;
2. Memandu / mengendalikan (*operating & handling*) kesemua kenderaan / jentera *Ground Support Equipment (GSE)*, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi tugas-tugas operasi penerbangan dan juga pengangkutan lain yang diperlukan; dan
3. Membantu penyelenggaraan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan persekitaran tempat kerja, peralatan pejabat, kenderaan / jentera (*GSE*).